



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



# RAYUAN TATATERTIB

# RAYUAN TATATERTIB

- ❁ SESEORANG PEGAWAI YANG TELAH DIKENAKAN HUKUMAN TATATERTIB BOLEH MEMBUAT RAYUAN KEPADA JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB (JKRTT) DALAM TEMPOH 14 HARI KEPUTUSAN JKTT DITERIMA OLEH PEGAWAI .
- ❁ JKRTT YANG DIMAKSUDKAN IALAH YANG DITUBUHKAN OLEH SESUATU BADAN BERKANUN DI BAWAH PERATURAN 12 JADUAL KE TIGA AKTA 605.
- ❁ RAYUAN DIKEMUKAKAN MELALUI KETUA JABATAN
- ❁ KETUA JABATAN APABILA MENERIMA RAYUAN PEGAWAI HENDAKLAH MEMBUAT ULASAN KE ATAS RAYUAN PEGAWAI DAN KEMUKAKAN KEPADA JKTT.

**PENGERUSI JKTT SETELAH MENERIMA RAYUAN DAN ULASAN KETUA JABATAN HENDAKLAH MENYEDIAKAN ALASAN-ALASAN BAGAIMANA JKTT TELAH MENCAPAI KEPUTUSAN. DOKUMEN-DOKUMEN INI KEMUDIANNYA DIKEMUKAKAN KEPADA JKRTT DALAM TEMPOH 30 HARI DARI TARIKH RAYUAN DITERIMA.**

# **BIDANGKUASA JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB**

- 1. MENGHANTAR BALIK KES KEPADA JKTT UNTUK  
DITIMBANG SEMULA;**
- 2. MENGESAHKAN KEPUTUSAN JKTT;**
- 3. MENGESAHKAN KEPUTUSAN JKTT TENTANG  
SAL AHLAKU PERAYU TETAPI MENGUBAH  
HUKUMAN KEPADA HUKUMAN YANG LEBIH  
RINGAN;**
- 4. MENGAKASKAN KEPUTUSAN DAN HUKUMAN  
JKTT DAN MEMBEBAHKAN PERAYU.**

**KEPUTUSAN JKRTT ADALAH  
MUKTAMAD**

**KEPUTUSAN DIBERITAHU KEPADA  
PERAYU SEBERAPA SEGERA  
YANG PRAKTIK**

## DIKEMUKAKAN KEPADA JKRTT

1. SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN PEGAWAI YANG KEMASKINI
2. SALINAN LAPORAN DARIPADA KETUA JABATAN/MANA-MANA PIHAK;
3. SALINAN BORANG PENENTUAN OLEH Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib di bawah Peraturan 33 Jadual Ke Dua Akta 605.

4. **MINIT MESYUARAT JKTT MEMBUAT KEPUTUSAN WUJUD KES PRIMA FACIE;**
5. **SALINAN SURAT PERTUDUHAN;**
6. **SALINAN AKUAN TERIMA SURAT PERTUDUHAN;**
7. **SALINAN JAWAPAN DARIPADA PEGAWAI YANG DITUDUH;**
8. **SALINAN ULASAN KETUA JABATAN KE ATAS JAWAPAN KEPADA PERTUDUHAN;**
9. **SEMUA MINIT MESYUARAT JKTT MEMBUAT KEPUTUSAN**

10. **SALINAN SURAT PEMBERITAHU KEPUTUSAN;**
11. **SALINAN AKUAN TERIMA SURAT PEMBERITAHU KEPUTUSAN;**
12. **SURAT RAYUAN PEGAWAI YANG BERKENAAN;**
13. **ULASAN KETUA JABATAN KE ATAS RAYUAN PEGAWAI;**
14. **ULASAN PENGERUSI JKTT TERHADAP RAYUAN**



**PRINSIP PERUNDANGAN  
DALAM PROSIDING  
TATATERTIB DAN  
SEMAKAN KEHAKIMAN  
(JUDICIAL REVIEW)**

# **PRINSIP PERUNDANGAN DALAM PROSIDING TATATERTIB**

## **PERKARA 135(2), PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**“Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut di atas itu boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat dengan tidak diberi peluang yang munasabah untuk didengar”**

# PRINSIP-PRINSIP PERUNDANGAN DALAM PROSIDING TATATERTIB

## Prinsip-prinsip di bawah *Natural Justice*

- **Rukun mencegah berat sebelah (*Rules against bias*)**
  - **Prinsip-prinsip yang berkaitan:**
    - “*No man should be a judge in his own case*”
    - “*Justice must not only be done, but seen to done*”
- **Hak untuk didengar (*Right to be heard*)**
  - **Prinsip-prinsip yang berkaitan:**
    - “*Hear the other side*” (*Audi alterem partem*)
    - “*No man should be condemned unheard*” (*Audiatur el altera pars*)

# HAK UNTUK DIDENGAR

( DALAM PROSIDING TATATERTIB )

“ ..... semua keterangan dan pengataan sama ada secara lisan atau bertulis yang diambil pertimbangan oleh PBT hendaklah dimaklumkan kepada pegawai terlibat untuk memberinya peluang menjawab segala keterangan dan pengataan ke atasnya itu..... ”

# **PERTIKAIAN KES TATATERTIB DI MAHKAMAH**

- **JKTT / JKRTT / Ketua Jabatan / Kerajaan Malaysia sebagai pihak kena tuntutan ( dependan );**
- **Mengemukakan deklarasi bahawa tindakan dan hukuman tatatertib yang dikenakan telah dibuat secara yang menyalahi undang-undang;**
- **Memohon perisytiharan mahkamah bahawa hukuman tatatertib yang telah dikenakan adalah batal dan tidak berkuatkuasa;**
- **Memohon dipulihkan kedudukan perkhidmatan;**
- **Memohon segala hak serta faedah perkhidmatan;**
- **Kos**

# TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL

- **Kemukakan laporan lengkap kes tatatertib kepada Jabatan Peguam Negara beserta salinan dokumen dan persuratan berkaitan perjalanan serta peringkat-peringkat tindakan;**
- **Mengemukakan jawapan / ulasan keatas semua kenyataan tuntutan ( *statement of claims* );**
- **Membantu Jabatan Peguam Negara menyediakan affidavit jawapan / affidavit balas ;**
- **Memberi keterangan ( sebagai saksi bagi pihak Kerajaan ) di mahkamah, jika dipanggil untuk berbuat demikian.**

# SEMAKAN KEHAKIMAN (*JUDICIAL REVIEW*)

**Mahkamah boleh mengulangkaji keputusan PBT jika:**

- JKTT tidak mempunyai bidang kuasa membuat keputusan berkaitan;
- JKTT tidak mematuhi prinsip keadilan asasi;
- JKTT membuat kesilapan undang-undang / tidak mematuhi prosedur dan tatacara yang ternyata daripada rekod prosiding tatatertib;
- Keputusan JKTT tidak munasabah.

*(Mahkamah bebas untuk membuat pertimbangan berdasarkan tafsiran terhadap prinsip-prinsip tersebut serta memetik mana-mana prinsip yang telah dibuat oleh mana-mana mahkamah keadilan sebagai **precedent** )*

# KES-KES TATATERTIB YANG DIKETEPIKAN OLEH MAHKAMAH M. Ramachandran Iwn. Kerajaan Malaysia

- ✉ Jawatankuasa Tata tertib telah mengambil kira “lain-lain maklumat yang berkaitan”
- ✉ Dalam surat keputusan JKTT dinyatakan-
  - ✉ “... Lembaga Tata tertib setelah menimbang dengan teliti pertuduhan ke atas tuan, jawapan yang diberi oleh tuan dan lain-lain maklumat yang berkaitan, memutuskan bahawa tuan di Buang Kerja dengan serta-merta.”



# KES-KES TATATERTIB YANG DIKETEPIKAN OLEH MAHKAMAH

**Abd. Rahman bin Isa lwn. SPA**

- Mahkamah mengambil perhatian terhadap kenyataan affidavit yang diikrarkan oleh Pengerusi SPA mengenai asas pembuangan kerja, yang menyatakan-
  - “Semasa menimbangkan kes tersebut, Suruhanjaya mendapati pegawai telah gagal melaporkan yang ia ditahan oleh satu kumpulan enam (6) orang lelaki Cina. Kegagalannya membuat laporan itu memberikan gambaran bahawa suatu pakatan telah berlaku.”
- Kenyataan tersebut tidak dimaklumkan atau dijadikan sebahagian daripada pertuduhan yang telah dihadapkan kepada pegawai .

# KES-KES TATATERTIB YANG DIKETEPIKAN OLEH MAHKAMAH **Mohd. Pilus bin Hj. Abd. Kadir lwn. SPA**

- Pertuduhan yang dikemukakan melibatkan kesalahan yang telah lama berlaku. Plaintif dalam jawapan kepada pertuduhan tersebut menyatakan tidak dapat mengingat dengan tepat semua perkara berkaitan yang dikemukakan di dalam surat pertuduhan.
  - Plaintif telah memohon untuk hadir pada masa LTT menimbangkan kesnya dan meminta untuk menyemak kertas siasatan BPR yang berkaitan di samping mendapatkan keterangan pegawai atasannya pada masa kesalahan itu berlaku.
- Pegawai telah dikenakan hukuman buang kerja tanpa diberi peluang menyemak / mendapatkan keterangan berkaitan.
- Mahkamah mendapati keputusan bersalah telah dibuat tanpa sebarang keterangan lanjut seperti yang diminta pegawai. ( Keputusan SPA hanya dengan merujuk kepada ulasan Ketua Jabatan yang menjelaskan kesalahan pegawai)

# KES-KES TATATERTIB YANG DIKETEPIKAN OLEH MAHKAMAH **Jonas Kimsin lwn. Kerajaan Malaysia**

- Pegawai dikenakan tindakan tatatertib buang kerja atas kesalahan ingkar perintah kerana gagal mematuhi ketetapan mesyuarat Jabatan berkaitan urusan / peraturan kerja.
- Mahkamah mengambil perhatian bahawa:
  - Tiada sebarang Arahan atau Pekeliling yang dikeluarkan mengenai Prosedur Pemeriksaan Fizikal ke atas kontena yang mengandungi barangan import serta pihak-pihak yang dikehendakki hadir semasa pemeriksaan dijalankan.

# KES-KES TATATERTIB YANG DIKETEPIKAN OLEH MAHKAMAH Hamdan Ibrahim lwn. Kerajaan Malaysia

- Mahkamah mendapati terdapat *'procedural irregularity'* di mana LTT tidak memberitahu pegawai *'whether he has found guilty of the charges against him'* sebelum mengenakan hukuman. *'Regulation 27(2) requires the disciplinary board to make a finding on the guilt'*
- Peraturan 27(2) menyatakan jika setelah menimbang representasi pegawai PBT mendapati
  - (a) pegawai itu bersalah, ia hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana satu hukuman...
  - (b) pegawai itu tidak bersalah, ia hendaklah membebaskannya.

**KES-KES TATATERTIB YANG  
DIKETEPIKAN OLEH MAHKAMAH  
Aria Kumar @ Omar bin Abdullah lwn. Kerajaan  
Malaysia**

- Pegawai telah dibuang kerja melalui Warta setelah surat AT Berdaftar yang dihantar dikembalikan tak terserah
- Mahkamah mengambil perhatian bahawa plaintif masih boleh dikesan. Wbp. tindakan mengesan pegawai (plaintif) tidak dilaksanakan sewajarnya.



**TERIMA KASIH**